

SOALAN LAZIM (FAQ)

BERKENAAN AGIHAN PENDAPATAN AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA (AHB) DAN MyAHB PORTAL

SOALAN BERKENAAN AGIHAN PENDAPATAN AHB

1. Bagaimana kiraan agihan pendapatan AHB yang saya terima?

Agihan pendapatan yang anda terima adalah berdasarkan jumlah purata baki unit minimum bulanan yang dipegang dalam tempoh agihan. Sila rujuk prospektus AHB terkini (bertarikh 1 Julai 2024, halaman 37) untuk maklumat lanjut.

Pautan: www.phbam.com.my/assets/pdf/download/current-documents/AHB-Replacement-Prospectus-Final-lodgement-250624-bm.pdf

2. Bagaimana saya boleh menyemak agihan pendapatan yang saya terima?

Anda boleh menyemak agihan pendapatan AHB melalui pengedar sah masing-masing seperti berikut:

PENGEDAR SAH	SALURAN
PHB Asset Management Berhad (PHBAM)	MyAHB Portal – www.myahb.my
Maybank/AmBank, AmBank Islamic/ Bank Islam/ Bank Rakyat)	Rujuk akaun bank anda atau bank pengedar masing-masing.

3. Adakah sumber bonus AHB patuh syariah?

Ya, bonus AHB adalah patuh syariah. PHB selaku penaja dana AHB telah membayar zakat ke atas agihan bonus kepada pemegang unit yang layak.

4. Mengapa jumlah agihan pendapatan AHB tidak meningkat walaupun PHB (Penaja AHB) telah mengumumkan peningkatan dalam keuntungan syarikat?

Pulangan AHB diuruskan dengan teliti supaya agihan sentiasa stabil dan mampan. Oleh itu, jumlah agihan pendapatan AHB tidak semestinya meningkat seiring dengan keuntungan yang diumumkan oleh PHB; walau bagaimanapun, agihan pendapatan tersebut tetap kompetitif. Sebagai penaja, PHB sentiasa memastikan modal dana ini terpelihara agar pemegang unit menikmati pulangan yang stabil dan konsisten dari tahun ke tahun.

Sebahagian daripada pendapatan tambahan yang dijana melalui hartanah pelaburan PHB turut disimpan sebagai rizab. Langkah ini penting untuk mengekalkan kekuatan struktur dana dan melindungi kepentingan pemegang unit dalam jangka panjang. Dengan pendekatan ini, AHB mampu memberikan pulangan yang mampan dan berterusan, tanpa terkesan dengan turun naik keuntungan pada sesuatu tahun tertentu.

5. Bagaimana pembayaran agihan pendapatan dilakukan?

Agihan pendapatan akan dibayar kepada pemegang unit seperti berikut:

JUMLAH UNIT	PEMBAYARAN AGIHAN PENDAPATAN
Jumlah Purata Baki Unit Minimum Bulanan < 10,000 unit	Agihan pendapatan akan dibayar dalam bentuk unit .
Jumlah Purata Baki Unit Minimum Bulanan ≥ 10,000 unit	Agihan pendapatan akan dibayar dalam bentuk tunai dan dimasukkan ke dalam akaun bank yang didaftarkan.

6. Bilakah tarikh pembayaran agihan pendapatan AHB bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025 akan dikreditkan ke akaun pemegang unit?

Agihan pendapatan AHB akan dikreditkan ke akaun pemegang unit pada 14 Oktober 2025.

7. Siapakah yang layak menerima bayaran bonus untuk agihan pendapatan AHB bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025?

Bonus akan dibayar kepada 1,000,000 unit pertama yang dimiliki oleh setiap pemegang unit.

Contoh A:

Ali mempunyai unit simpanan bernilai 500,000 unit di dalam akaun AHB. Ali layak menerima bonus bagi kesemua 500,000 unit.

Contoh B:

Ali berjaya menyimpan sebanyak 1,000,000 unit simpanan di dalam AHB. Ali layak menerima bonus bagi kesemua 1,000,000 unit.

8. Adakah agihan pendapatan ini telah dizakatkan dan dikecualikan cukai?

Ya, agihan pendapatan AHB telah dizakatkan.

Untuk agihan pendapatan, zakat telah dibayar oleh AHB melalui kaedah yang telah diluluskan panel penasihat syariah. Secara ringkasnya, kaedah kiraan zakat berdasarkan kaedah Aset Bersih Larasan Dana.

Bagi agihan bonus pula, zakat telah dibayar oleh PHB sebagai penaja dana. Ini bermakna pemegang unit tidak perlu lagi menunaikan zakat ke atas jumlah agihan pendapatan yang diterima AHB kerana kewajipan tersebut telah dilaksanakan oleh pihak dana.

Agihan Pendapatan dikecualikan cukai

Ya, agihan pendapatan AHB dikecualikan cukai.

Dana amanah saham AHB telah menerima kebenaran khas daripada kerajaan Malaysia khususnya daripada Kementerian Kewangan untuk tidak membayar cukai pendapatan ke atas semua pendapatan yang diperolehnya sehingga tahun taksiran 2029.

Kebeneran ini diberikan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967, yang membolehkan Menteri Kewangan memberikan pengecualian kepada organisasi atau dana tertentu.

9. Adakah AHB menawarkan perkhidmatan penamaan atau hibah?

Setakat ini, AHB tidak ada menawarkan perkhidmatan penamaan atau hibah kepada pemegang unit.

10. Adakah pendapatan pemegang unit AHB yang bukan beragama Islam juga telah dizakatkan?

Ya, keseluruhan pendapatan AHB telah dizakatkan. Oleh itu agihan pendapatan yang diterima oleh pemegang unit AHB sama ada beragama Islam atau bukan beragama Islam adalah bersih setelah zakat.

SOALAN BERKENAAN MyAHB PORTAL

11. Saya telah mendaftar AHB dengan bank pengedar sah lain sebelum ini. Adakah saya boleh membuka akaun di MyAHB Portal untuk pembelian dan penebusan unit AHB?

Tidak. Jika anda telah mendaftar AHB melalui pengedar sah lain di Maybank, AmBank, AmBank Islamic, Bank Islam atau Bank Rakyat, anda hanya boleh membuat pembelian atau penebusan unit AHB melalui bank tersebut sahaja.

Satu individu hanya boleh melanggan unit AHB melalui **satu pengedar sah sahaja**, sama ada melalui PHBAM (di MyAHB Portal – www.myahb.my), atau melalui pengedar sah lain (Maybank, AmBank, AmBank Islamic, Bank Islam atau Bank Rakyat).

Untuk sebarang urusan pembelian, semakan atau penebusan unit AHB, sila rujuk bank pengedar sah anda berdaftar.

12. Saya sudah mempunyai akaun AHB dan cuba mendaftar akaun di MyAHB Portal, tetapi mengapa rekod saya tidak terdapat di MyAHB Portal?

Jika anda telah melanggan AHB melalui pengedar sah lain sebelum ini iaitu di Maybank, AmBank, AmBank Islamic atau Bank Islam, rekod anda tidak terdapat di MyAHB Portal. Oleh itu, anda tidak dapat mendaftar akaun di MyAHB Portal.

Hanya pelabur baharu atau pemegang unit AHB yang berdaftar dengan PHBAM sahaja boleh mempunyai akaun di MyAHB Portal.

Setiap individu hanya dibenarkan mempunyai satu akaun AHB melalui **satu pengedar sah sahaja** sama ada:

- Mendaftar melalui PHBAM di MyAHB Portal – www.myahb.my, atau
- Mendaftar melalui pengedar sah lain - Maybank, AmBank, AmBank Islamic, Bank Islam atau Bank Rakyat.

Untuk mengetahui proses pembelian atau penebusan unit AHB, sila rujuk pengedar sah masing-masing.

13. Saya adalah pelabur baharu AHB yang mendaftar dengan PHBAM melalui MyAHB Portal. Saya telah membuka akaun saya di MyAHB Portal, tetapi saya masih belum menerima notifikasi kelulusan pembukaan akaun daripada pihak AHB. Apa yang perlu saya lakukan?

MyAHB Portal adalah eksklusif bagi pelabur baharu yang mendaftar dengan PHBAM. Bagi pelabur baharu yang mendaftar dengan PHBAM melalui MyAHB Portal, sekiranya anda belum menerima notifikasi kelulusan pembukaan akaun MyAHB Portal, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PHBAM untuk menyemak status kelulusan akaun MyAHB Portal anda di talian 03-7734 0555 atau emel ke phbam-cs@phbam.com.my.

14. Jika saya mempunyai isu untuk pendaftaran MyAHB Portal seperti pengesahan muka atau tidak menerima OTP, apa yang saya perlu lakukan?

Sekiranya anda menghadapi sebarang isu teknikal untuk pendaftaran MyAHB Portal, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PHBAM untuk bantuan lanjut melalui talian 03-7734 0555 atau emel ke phbam-cs@phbam.com.my.

15. Saya telah cuba mendaftar akaun AHB di MyAHB portal tetapi pendaftaran saya ditolak. Adakah saya masih boleh mendaftar dan apa yang perlu saya lakukan?

Berikut adalah antara sebab utama pendaftaran akaun MyAHB Portal anda ditolak:

- i. Dokumen yang dimuat naik tidak lengkap;
- ii. Anda telah mendaftar akaun AHB melalui pengedar sah yang lain seperti Maybank, AmBank, AmBank Islamic, Bank Islam atau Bank Rakyat. Oleh itu, pendaftaran melalui Portal MyAHB telah ditolak. Sekiranya anda telah membuat pelaburan permulaan, wang pelaburan tersebut akan dipulangkan semula.

Untuk makluman, MyAHB Portal adalah khusus untuk pelabur yang melabur melalui PHBAM.

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PHBAM di talian 03-7734 0555 atau emel ke phbamcs@phbam.com.my.

16. Bagaimana saya boleh mendapatkan penyata akaun AHB saya?

Jika anda berdaftar dengan PHBAM, anda boleh menyemak penyata akaun AHB di MyAHB Portal (www.myahb.my) atau boleh memohon untuk mendapatkan penyata akaun anda daripada Perkhidmatan Pelanggan PHBAM dengan menghubungi talian 03-7734 0555 atau emel ke phbam-cs@phbam.com.my.

Jika anda berdaftar dengan bank pengedar sah lain seperti Maybank, AmBank, AmBank Islamic, Bank Islam atau Bank Rakyat, sila rujuk bank pengedar anda untuk semakan unit dan mendapatkan penyata akaun AHB.

17. Bagaimana saya boleh mengetahui status penebusan unit AHB selepas melakukan proses tersebut?

Jika penebusan unit AHB dilakukan melalui MyAHB Portal, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PHBAM untuk bantuan lanjut melalui talian 03-7734 0555 atau emel ke phbam-cs@phbam.com.my.

Jika penebusan unit AHB dilakukan melalui bank pengedar sah lain (Maybank, AmBank, AmBank Islamic, Bank Islam atau Bank Rakyat), sila hubungi bank pengedar anda untuk menyemak status penebusan.

###

MENGENAI AMANAH HARTANAH BERHAD (AHB)

AHB ialah dana unit amanah patuh syariah yang melabur terutamanya dalam pemunyaan benefisial hartanah komersial di lokasi utama di Malaysia. AHB boleh dilanggan oleh pelabur Bumiputera pada harga RM1.00 seunit di semua cawangan pengedar yang sah di seluruh Malaysia. Dana ini disokong oleh hartanah-hartanah komersial utama yang telah disewakan dan menikmati aliran pendapatan sewaan secara tetap. AHB diwujudkan untuk memberikan peluang kepada pelabur Bumiputera menyertai pemilikan hartanah komersial utama melalui pegangan unit dalam AHB sebagai pemegang unit.

MENGENAI PHB ASSET MANAGEMENT BERHAD

PHBAM ialah Pengurus dana AHB. PHBAM memperolehi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 22 April 2024 untuk aktiviti terkawal pengurusan dana berhubung pengurusan portfolio dan urusniaga dalam sekuriti terhad bagi unit Amanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.phbam.com.my. Sebarang pertanyaan berkenaan AHB sila hubungi 03-7734 0555 atau emel ke phbam-cs@phbam.com.my.